

Kertas 2

Jawab semua soalan. Tulis jawapan anda dengan jelas pada ruang yang disediakan.

9.1 Nilai Peratus

1 Tulis 78% dalam pecahan perseratus.

2 Tukarkan 130% kepada nombor bercampur.

3 Tukarkan $1\frac{17}{100}$ kepada peratus.

4 27 daripada 100 petak telah diwarnakan.
Tulis peratus petak yang diwarnakan itu.

5 Hitung 15% daripada 400 biji guli.

9.2 Penyelesaian Masalah

6 Terdapat 3 biji guli merah dan 7 biji guli hijau di dalam sebuah balang. Berapa peratuskah guli merah di dalam balang itu?

7 Hamid mempunyai 96 keping setem. 50% daripadanya ialah setem luar negara. Berapakah bilangan setem luar negara yang dimiliki oleh Hamid?

8 Jika sejumlah markah ialah 120 mata, berapakah 60% daripada markah itu?

9 Terdapat 1 050 orang murid di sebuah sekolah. 40% daripadanya adalah murid lelaki. Berapakah bilangan murid perempuan di sekolah itu?